



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL.17/2014

Rujukan : Bil.(47) dlm.MBI/B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

26 Disember 2014

Tuan Setiausaha Bandaraya
Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

**PINDAAN TATACARA MEMPROSES TUNTUTAN INSURAN KEMALANGAN
BERKELOMPOK ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian Tuan/Puan, kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan telah banyak mendapat aduan berkaitan proses tuntutan Insuran Kemalangan Berkelompok Anggota Majlis Bandaraya Ipoh yang seringkali lewat diterima kerana kegagalan mengemukakan dokumen lengkap kepada pihak Perunding Insuran Majlis oleh pihak Jabatan masing-masing.

3. Sehubungan itu, pihak Jabatan Kewangan ingin membuat pindaan kepada Tatacara Proses Tuntutan Insuran Kemalangan Berkelompok Anggota Majlis Bandaraya Ipoh tersebut bagi mengelakkan sebarang kelewatan dan berada didalam perhatian dan pemantauan Jabatan Kewangan selaku urusetia bagi insuran Majlis.

4. Untuk makluman, pindaan yang terlibat adalah melibatkan penghantaran Borang Notifikasi dan juga Borang Tuntutan oleh Pegawai Insuran Jabatan masing - masing kepada Unit Amanah, Jabatan Kewangan untuk tujuan perekodan dan juga pemantauan bagi sesuatu tuntutan insuran yang dibuat. Pindaan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2.**

..2/-


**PINDAAN TACARA MEMPROSES TUNTUTAN INSURAN KEMALANGAN
BERKELOMPOK ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH**

5. Oleh yang demikian, pihak Jabatan berharap agar pihak Tuan/Puan akan memastikan anggota yang terlibat khususnya Pegawai Insuran Jabatan masing - masing mengambil maklum dan melaksanakan Arahan ini yang berkuatkuasa serta merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

'KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HARUN BIN RAWI)
Datuk Bandar



"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"



PROSES KERJA

Jabatan/Pejabat : Kewangan
 Bahagian/ Unit : Unit Amanah
 No. Pindaan : 0

TUNTUTAN INSURAN KELOMPOK ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
1.	Terima kes tuntutan insuran daripada anggota yang ingin membuat tuntutan	Pegawai Insuran Jabatan masing-masing
2.	Pegawai Insuran Jabatan akan melengkapkan Borang Notifikasi dan hantar ke Unit Amanah, Jabatan Kewangan.	Pegawai Insuran Jabatan masing-masing
3.	Borang Notifikasi akan dihantar kepada Pakar Runding Insuran Majlis.	PT (Kew) Unit Amanah
4.	Pakar Runding Insuran akan menyemak samada tuntutan dibuat di bawah perlindungan oleh Majlis atau tidak. Jika ya, Borang Tuntutan akan dihantar untuk tindakan anggota / Unit Amanah.	PT (Kew) Unit Amanah Anggota Majlis (Penuntut)
5.	Lengkapkan borang tuntutan serta dokumen yang diperlukan dan hantar kepada Unit Amanah.	Pegawai Insuran Jabatan masing-masing
6.	Borang Tuntutan yang telah lengkap akan dihantar kepada Pakar Runding Insuran	PT (Kew) Unit Amanah
7.	Terima cek pampasan daripada Pakarunding Insuran Majlis	PT (Kew) Unit Amanah
8.	Bayaran pampasan yang dipersetujui diterima dan dimasukkan ke akaun Majlis dan baucer akan dibuat dan cek dikeluarkan atas nama penuntut.	PT (Kew) Unit Amanah



CARTA ALIR

Jabatan/Pejabat : Kewangan
 Bahagian/ Unit : Unit Amanah
 Nö. Pindaan : 0

Terima kes tuntutan insuran dari anggota yang ingin membuat tuntutan

Pegawai Insuran Jabatan lengkapkan Borang Notifikasi dan hantar ke Unit Amanah

Borang Notifikasi akan dihantar ke Pakar Runding Insuran

Pakar Runding Insuran akan menyemak samada tuntutan yang dibuat meliputi perlindungan insuran yang diambil oleh Majlis

Borang tuntutan dihantar oleh pihak perunding Insuran kepada Pegawai Insuran Jabatan untuk diisi.


Lengkapkan borang tuntutan dan dokumen yang diperlukan.

Borang Tuntutan yang lengkap dihantar kepada Unit Amanah

Borang Tuntutan akan dihantar ke Pakar Runding Insuran

Bayaran pampasan diterima dan baucer dibuat dan cek dikeluarkan atas nama penuntut setelah dipersetujui.

TAMAT



Tuntutan tiada dalam perlindungan Majlis

Maklumkan Tuntutan tidak dilindungi

Kembalikan kepada Pegawai Insuran Jabatan untuk dilengkapi